

PEKELILING JABATAN KEWANGAN BIL. 11/2016

Semua Ketua Jabatan
Hospital Canselor Tuanku Muhriz
Pusat Perubatan UKM

YBhg. Dato'/Datin/Prof./Dr./Tuan/Puan,

PEMAKLUMAN PENGGUNAAN SISTEM KEWANGAN [e-PORTAL KEWANGAN] BAGI MODUL LAPORAN PERUNTUKAN PTJ

Dengan segala hormatnya, perkara di atas adalah dirujuk.


Adalah dimaklumkan Pusat Teknologi Maklumat UKM telah membangunkan modul tambahan dalam sistem e-portal kewangan bagi tujuan pemantauan peruntukan dan perbelanjaan PTJ serta hasil yang dijana oleh PTJ. Modul ini boleh diakses melalui laman sesawang <https://ekew.ukm.my/efast/login> bermula dari tarikh surat ini diedarkan.

Bagi tujuan penambahbaikan YBhg. Dato'/Datin/Prof./Dr./Tuan/Puan di beri tempoh untuk penggunaan secara percubaan sehingga 30 Jun 2016. Mohon pihak YBhg. Dato'/Datin/Prof./Dr./Tuan/Puan, untuk menamakan kakitangan jabatan pihak YBhg. Dato'/Datin/Prof./Dr./Tuan/Puan beserta nombor pekerja UKM(Per) yang juga akan di beri akses semakan laporan peruntukan PTJ. Kepada semua Ketua Jabatan, pendaftaran ID akan didaftarkan secara automatik oleh Bahagian Pengurusan Tunai dan Belanjawan, Jabatan Kewangan.

Bersama-sama ini dilampirkan manual pengguna bagi memudahkan pihak YBhg. Dato'/Datin/Prof./Dr./Tuan/Puan untuk mengakses dan menggunakan sistem tersebut. Sebarang permasalahan atau cadangan penambahbaikan hendaklah dimaklumkan kepada Jabatan Kewangan secara emel kepada sazalib@ppukm.ukm.edu.my untuk dipanjangkan ke pembangun sistem

Sekian, kerjasama dan perhatian yang diberikan amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Yang benar,


NORINI BT MOHAMAD

Ketua Jabatan Kewangan
Hospital Canselor Tuanku Muhriz
Pusat Perubatan UKM



MS ISO 9001:2008 Cert. No. : AR 3962

JABATAN KEWANGAN

Hospital Canselor Tuanku Muhriz, Pusat Perubatan UKM, Tingkat 1,
Kompleks Pendidikan Tuanku Canselor Tuanku Ja'afar, Jalan Yaacob Latiff, Bander Tun Razak, 56000 Cheras, Kuala Lumpur
Telefon: +603 - 9145 5213/ 5214/ 5215 Faksimili: +603 - 9145 6659 E-mel: bajet@ppukm.ukm.edu.my Laman Web: <http://kewangan.hukm.ukm.my>